

BK

ECONEWS

AFTA PERLU DIHADKAN KEPADA ANGGOTA ASEAN: DR. MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) perlu dihadkan kepada negara-negara Asean dan bukannya dibuka kepada negara-negara di luar kumpulan itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Oleh itu, negara-negara yang ingin menyertai AFTA perlulah menjadi anggota Asean terlebih dahulu, katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian usahasama pembuatan Kenderaan Perdagangan Malaysia (MNCV) di sini.

Dr. Mahathir diminta mengulas cadangan Timbalan Perdana Menteri Thailand, Dr. Supachai Panithcpakdi ketika persidangan pelaburan dan perdagangan antarabangsa di Melbourne pada hari Rabu bahawa Australia perlu menimbang untuk menyertai AFTA dan juga Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang dicadangkan oleh Malaysia.

"AFTA dimiliki oleh Asean. Bagaimana negara yang berada di luar Asean menyertai AFTA? ... Melainkan ia (Australia) menjadi anggota Asean. Australia mengatakan bahawa ia adalah sebuah negara Asia sekarang..." kata Dr. Mahathir.

Tetapi kini, beliau berkata Asean ialah Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara. "jadi, saya rasa secara geografi Australia bukan sebahagian daripada kita," tambahnya.

Semalam, seorang pegawai kanan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata Malaysia tidak menyedari mengenai cadangan serupa itu kerana ia tidak pernah dibincangkan pada sebarang mesyuarat Asean.--Bernama